
Title	Masalah-masalah pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua
Author(s)	Muhammad Ariff B Ahmad
Source	<i>Singapore Journal of Education</i> , 2(1), 61-68
Published by	Institute of Education (Singapore)

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Masalah-masalah Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua

1. Mukadimah

1.1 landas bincang: Sebelum membincangkan masalah-masalah pengajaran bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dan mencari jalan bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah itu, baiklah rasanya kita melihat dahulu: apakah yang dimaksudkan dengan "bahasa kedua" itu. Mungkin ada baiknya kalau kita tinjau juga: apakah tujuan seseorang itu mempelajari "bahasa kedua" tadi. Dengan demikian akan dapatlah kita tentukan landasan tempat kita bertitik-tolak membincangkan masalah-masalah itu seterusnya.

1.2 yang dikatakan "bahasa kedua": Bahasa Kedua menurut anggapan ahli-ahli bahasa, seperti yang dinyatakan dalam monograf UNESCO on Fundamental Education, ialah bahasa atau bahasa-bahasa yang diperoleh atau diketahui atau dikuasai atau dipelajari seseorang setelah atau selain daripada bahasa ibunda (mother-tongue)nya. Seorang Melayu, umpamanya, bertutur dalam bahasa Inggeris; maka bahasa Inggeris itu adalah bahasa kedua kepadanya, kerana bahasa itu bukan bahasa ibundanya.

Tetapi, masalah-masalah bahasa kedua yang hendak kita bincangkan sekarang bukanlah bahasa kedua yang dinyatakan oleh monograf UNESCO itu; kerana di Singapura, di sekolah-sekolah di Singapura ini, kita punya konsep sendiri tentang bahasa kedua itu; yang bertentangan dengan konsep bahasa kedua menurut ahli-ahli bahasa tadi.

Di Singapura, yang kita maksudkan dengan bahasa kedua ialah salahsatu daripada tiga bahasa rasmi Singapura (bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil) yang dipilih untuk dipelajari di sekolah-sekolah yang bahasa medianya bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris pula diwajibkan menjadi bahasa kedua bagi pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah yang bahasa medianya salahsatu daripada tiga bahasa rasmi tadi.

Keadaan ini memungkinkan bahawa bahasa kedua bagi seseorang pelajar di Singapura ialah mother-toungunya sendiri, kalau kebetulan bahasa

media sekolahnya bahasa Inggeris. Anak-anak Melayu, misalnya, adalah mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (ML2); pun demikian halnya dengan anak-anak India yang mother-toungunya bahasa Tamil.

Dalam pada itu bukan tidak ada anak-anak orang India yang bahasa ibundanya bukan Tamil – mungkin Urdu; mungkin Hindi atau lain-lain bahasa di India yang tidak diakui sebagai bahasa rasmi di Singapura – telah memilih bahasa Melayu menjadi bahasa keduanya, untuk dipelajari sepanjang waktu sekolahnya.

Tidak kurang juga anak-anak keturunan Tionghoa yang bahasa ibundanya adalah dialek-dialek keturunannya, yang terasa kekok atau keberatan untuk mempelajari bahasa Mandarin itu sebagai bahasa keduanya. Merèkaitu mengambil bahasa Melayu menjadi bahasa keduanya. Ada pula antara anak-anak Tionghoa yang telah mencuba mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua hingga ke darjah primary 5 atau 6, tetapi kerana mereka selalu gagal dalam peperiksaan bahasa Mandarin itu lalu memperubah fikirannya, mengambil bahasa Melayu menjadi bahasa keduanya mulai dari darjah primary 6 atau menengah 1.

1.3 tujuan mempelajari bahasa kedua:

1.3.1 Selain daripada hendak menambahkan pengetahuan dan boleh bertutur dengan orang-orang asing dalam bahasanya, pelajar-pelajar bahasa kedua itu bertujuan juga hendak mempelajari falsafah dan kebudayaan bangsa yang bahasanya dipelajari sebagai bahasa kedua tadi.

Pelajar-pelajar bahasa kedua itu mengharapkan supaya menerusi kesusastraan bahasa keduanya itu mereka akan dapat meneliti pemikiran dan kehidupan bangsa itu, kemudian membandingkan telitiannya itu dengan falsafah dan kebudayaan mereka sendiri.

Dengan berbuat demikian pelajar-pelajar itu akan dapat mencapai tujuan terluhur dari kajiannya itu, iaitu memperbaiki dan memajukan kehidupannya sendiri menerusi perbandingan tadi.

1.3.2 Tetapi, apa yang menjadi tujuan pengajaran bahasa kedua bentuk kita, bentuk Singapura, seperti yang dinyatakan dalam para 2 dan 3 uraian 1.2 tidaklah sejauh itu. Kita cuma maukan satu pencapaian tujuan jangkadekat. Tujuan mengajarkan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua itu ialah untuk melengkapkan pelajar-pelajar kita hari ini supaya menjadi rakyat Singapura yang bilingual di masa depan.

Dengan demikian, bahasa-bahasa vernacular di Singapura akan tetap terpelihara, selaras dengan pemeliharaan yang kemas terhadap tradisi dan kebudayaan rakyat yang berbilang bangsa di sini.

Oleh itu maka eloklah kita bataskan bincangan kita pada peringkat ini: setakat membincangkan masalah-masalah yang dapat menolong kita mencapai tujuan yang dinyatakan dalam uraian 1.3.2 ini.

2. Masalah-masalah

Tentulah banyak masalah-masalah pengajaran bahasa kedua itu yang minta diperhati dan diperbaiki secara sertamerta atau secara beransur-ansur.

Ada antara masalah-masalah itu yang bersifat sementara, seperti: masalah tempat belajar yang berpindah-pindah, tidak kekal setempat; masalah tentang kekurangan buku-buku teks, atau tentang buku-buku teks yang kurang sesuai; masalah tentang persiapan-persiapan pelajaran dan penyediaan bahan-bahan pengajaran dan sebagainya. Oleh kerana kebanyakan masalah-masalah sementara itu bersifat administrative, saya, percaya hal-hal itu dapat diselesaikan dalam satu dua peringkat pertadbiran, dan tidak memerlukan satu bincangan hebat dan serious menerusi tulisan ini.

Dan, yang hendak saya kemukakan menerusi kertas ini ialah beberapa masalah basic yang perlu diperhatikan sungguh-sungguh, yang saya fikir akan menjadi masalah yang kekal berlarut-larut sepanjang masa pengajaran bahasa itu selagi ia belum diselesaikan.

2.1 situasi pelajar-pelajar: Oleh kerana keadaan-keadaan seperti yang diterangkan dalam para 3 hingga 6 uraian 1.2 itu berlaku, maka kelas bahasa kedua itu mungkin dipenuhi oleh pelajar-pelajar yang terdiri daripada anak-anak Melayu belaka. Mungkin kelas itu mempunyai lebih separuh anak-anak Melayu dan selebihnya anak-anak bukan Melayu; atau mungkin pula keadaan sebaliknya. Malah, boleh jadi juga, kelas itu dipenuhi oleh anak-anak bukan Melayu tetapi mereka datang dari pelbagai golongan dialek

Tionghoa dan dari pelbagai keturunan orang-orang India yang bukan Tamil; juga dari lain-lain golongan minoriti yang bahasa ibundanya tidak dianggap sebagai salahsatu bahasa rasmi di Singapura ini.

Kecuali kumpulan pertama iaitu kumpulan anak-anak Melayu belaka itu, 3 kumpulan pelajar yang lain adalah bercampur-aduk. Kumpulan-kumpulan itu dipenuhi oleh pelajar-pelajar yang datang dari pelbagai latarbelakang kehidupan yang berbeza-beza bahasa ibundanya; yang tidak sama keadaan *socio-culture*nya; yang berlainan pula media pemikiran dan sistem linguistiknya.

Kecamukan dan kelainan suasana tadi pastilah, sekurang-kurangnya, akan menghalang kelancaran pengajaran bahasa kedua itu. Pun, kekacauan-kekacauan itu boleh pula menyebabkan adanya *aptitude* pelajar-pelajar yang berbeza-beza terhadap bahasa kedua itu; dan ini boleh mengakibatkan timbulnya sikap kurang sihat yang boleh menghalang kemajuan pengajaran bahasa kedua itu, walaupun ia tidak menggagalkan sama sekali.

2.2 pengaruh socio-culture: Bahasa adalah langsung hubungannya dengan pemikiran masyarakat; dan pemikiran masyarakat itu biasanya terbentuk menerusi sistem kebudayaannya. Cara orang-orang berfikir dan mengonsepan sesuatu biasanya sejalan dengan — kalau tidak terpengaruh oleh — sistem kebudayaannya itu. Sebab itu: pertumbuhan dan perkembangan suatu bahasa itu tidaklah sama dengan pertumbuhan dan perkembangan bahasa-bahasa yang lain.

Jadi, dengan sendirinya, *socio-culture* itu sentiasa mempengaruhi pelajar-pelajar bahasa kedua itu. Dan, masalah-masalah *socio-culture* ini haruslah diuraikan dengan cara yang bijaksana kalau kita maukan pengajaran bahasa kedua itu berjalan lancar.

Mungkin seseorang pelajar bahasa kedua itu kaya dengan jumlah bilangkata Melayu, tetapi selagi ia atau mereka itu masih kuat terpengaruh atau berfikir secara *socio-culture* keturunannya, maka bahasa Melayunya akan masih mengalami kacau-bilau juga. Akan ada-ada saja yang janggal; yang ganjil atau yang tak kena, dalam bahasanya itu.

Mari kita ambil kata "*hariraya puasa*" sebagai misal. Apakah konsep *hariraya puasa* itu? Bagi orang-orang Melayu, *hariraya puasa* itu adalah hari pembayaran zakat selepas mereka berpuasa wajib sebulan Ramadhan sebagai pembersihan diri (jiwa) dan hartanya selama setahun (hijrah);

atau sebagai hari perlakuan ibadat rukun Islam yang keempat.

Dalam kebudayaan orang-orang Tionghoa tidak ada amalan membayar zakat; yang ada pada mereka ialah pemberian "ang-pau" dalam sambutan "tahun baru" nya. Oleh kerana ada iras-iras kesamaan lahiriah dalam sambutan-sambutan *hariraya puasa* itu dengan cara mereka menyambut "tahun baru" nya, maka asosiasi itu mendorong orang-orang Tionghoa mengonsepan *hariraya* itu sebagai "tahun baru".

Bagaimana kita boleh terima bahwa *hariraya* itu dikonsepan sebagai "tahun baru", kerana *hariraya puasa* jatuh pada 1 Syawal (bulan kesepuluh) dan *hariraya haji* jatuh pada 10 Dzul-hijjah (bulan kedubelas), dan tahun hijrah tidak berubah pada kedua-dua *hariraya* itu? Nyatalah *hariraya* itu bukan tahun baru!

Demikian pula kedapatan juga perbezaan-perbezaan pengonsepan yang disebabkan oleh pengaruh *socio-culture* itu pada kata-kata seperti: *puasa, sembahyang, kenduri, rezeki* dan lain-lain. Pun, kedapatan perbezaan konsep pada ungkapan-ungkapan seperti:

orang kecil = kanak-kanak (Tionghoa); orang yang tidak berpangkat (Melayu),
sakit hati = dukacita (Tionghoa/Hokien); marah; merajuk (Melayu)

dan lain-lain lagi; barangkali ada beribu-ribu patah perkataan lagi yang seperti itu.

Cuba kita lihat pula kertas soalan Bahasa Kedua (Melayu) tahun 1973. Perhatikan soalan nomor 2 = pemahaman karangan di mukasurat 3 dan 4. Soalan 2 (c) di mukasurat 4 itu berkata: *Dalam pembunuhan itu, senjata yang digunakan oleh si pembunuh ialah (1) pisau belati (2) pedang (3) besi tajam (4) keris.*

Dalam potongan karangan (di mukasurat 3) yang dijadikan sumber soalan itu tidak ada kedapatan nama salahsatu senjata yang disebutkan itu; tetapi calon-calon boleh mendapat *clue* daripada ayat ini: "*Tidak syak lagi orang (pembunuh) itu memegang sejenis senjata yang bermata dua yang tajam dan bilahnya berkeluk-keluk*".

Anak-anak Melayu yang walaupun belum pernah melihat keris dengan mata kepalanya sendiri, tetapi menerusi *socio-culture*nya – barangkali dengan mendengar kisah-kisah pertarungan purba; barangkali dengan melihat komik-komik Melayu – mereka tidak ragu-ragu lagi akan dapat mengasosiasikan "*senjata yang bilahnya berkeluk-keluk*" itu dengan "*keris*".

Tetapi, bagi pelajar-pelajar bukan Melayu

yang tidak ada pengalaman – kalau ada pun sangat kurang – *socio-culture* Melayu, pastilah tidak semudah anak Melayu tadi untuk yakin bahwa jawaban 2 (c) itu ialah "keris". Apalagi kalau mereka itu terpesona oleh latarbelakang potongan cerita itu. Nama-nama seperti Ben, Choleng, Sidro dan Clarita yang mewataki cerita itu bukanlah nama-nama Melayu yang umum; pun "*pulang dari balai dansa di luar bandar hampir waktu subuh selalu-selalu*" bukanlah amalan yang tipikal dalam *socio-culture* Melayu. Hal terkahir ini boleh menyebabkan pelajar-pelajar bukan Melayu itu sama-sekali tidak menyangka bahwa si pembunuh (mungkin Sidro) yang bukan Melayu itu telah membunuh mangsanya dengan menggunakan senjata orang-orang Melayu purba; KERIS.

2.3 aptitude bahasa: Keadaan sosial yang tidak seimbang dan pengaruh-pengaruh langsung atau tidak langsung *socio-culture* yang tidak sama itu menimbulkan *aptitude* (kebolehan = bakat + minat) bahasa pelajar-pelajar itu berbeza-beza.

Seorang pelajar yang tidak luas pergaulannya oleh bendungan *socio-culture* yang tertutup mungkin kurang atau tidak dapat langsung peluang memajukan bahasa kedua yang dipelajarinya itu, jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang lebih terbuka dan lebih liberal penerimaannya terhadap unsur-unsur *socio-culture* luar.

Seorang pelajar yang datang dari masyarakat golongan ekonomi taraf rendah pun akan lebih banyak mengalami kekurangan kalau dibandingkan dengan yang datang dari golongan mewah. Pelajar itu mungkin tidak dapat langsung apa-apa bantuan daripada alat-alat pengajaran bahasa keduanya, seperti: buku-buku bacaan tambahan; alat-alat pandang-dengar atau lain-lain yang mungkin boleh didapati oleh pelajar-pelajar golongan mewah.

Pengalaman pahit demikian itu akan lebih segera menimbulkan rasa bosan pelajar-pelajar itu untuk berusaha memajukan pelajarannya. Apabila graf bosannya meninggi tak dapat tiada graf *aptitude* bahasa pelajar itu semakin merendah; akhirnya timbullah sikap yang *negative* – berserah bulat!

Betapakah sikap guru-guru mengadapi sikap *negative* para pelajaranya itu? Fikirkanlah!

2.4 media pemikiran: Kebanyakan cara pelajar bahasa kedua melahirkan fikirannya tidaklah langsung seperti cara penutur bahasa itu berfikir. Fikiran itu biasanya dilahirkan melalui cara pinda bentuk (transform) – dilahirkan dalam cara bahasa ibunda atau bahasa pertamanya, kemudian

barulah dipindahbentukkan ke bahasa kedua pula. Cara kelahiran fikiran jalan jauh begini bukan saja melambat dan membazirkan, tetapi juga menampakkan satu kelahiran bahasa yang kaku, tak licin, janggal dan dagang; kadang-kadang tidak tepat pula.

Hal ini bukanlah hanya melibatkan pelajar-pelajar bukan Melayu saja, tetapi setengah-setengah pelajar Melayu juga. Kebanyakan mereka bercakap Melayu di rumah; tetapi bahasa yang digunakan di rumah itu bukan bahasa Melayu yang standard. Mereka bertutur secara bercampuraduk, membujur lalu melintang patah. Jadi, apabila mereka dikehendaki berbahasa Melayu yang standard secara teratur, maka setengah-setengahnya terpaksa melahirkan fikirannya dengan cara bahasa sekolahnya (bahasa Inggeris) kemudian memindahbentukkan fikiran itu ke bahasa Melayu (bahasa keduanya) pula.

Dan, bahasa yang dilahirkan menurut cara di atas itu kelihatan seperti bahasa terjemahan. Setidak-tidaknya cara demikian itu telah melahirkan frasa-frasa yang janggal atau dagang, seperti:—

Mamat sudah dapat demam selsema (frasa Inggeris)
tetapi dia sudah pergi tengok doktor (frasa Inggeris/Tionghoa)
ini buku saya punya (frasa Tionghoa)
buku itu ditulis oleh saya (frasa Inggeris)
ia telah pun dibaca oleh awak/kita semua (frasa Inggeris) dan banyak lagi.

Pelajar-pelajar yang tidak bebas daripada berfikir cara Inggeris berkata-kata dengan gurunya dengan kata "awak", misalnya: "Bolehkah saya berjumpa awak lepas waktu sekolah, nanti?" Tanpa mengendahkan nilai-nilai rasa dan keperihalan keadaan menurut semantik Melayu, pelajar itu menggunakan kata "awak" sebagai gantinama gurunya; kerana berfikir secara Inggeris kata "you" boleh digunakan sebagai gantinama diri kedua, termasuk guru, ibu-bapa atau sesiapa saja yang dalam keadaan diri kedua.

Media, pemikiran demikian itu juga menyebabkan pelajar-pelajar lebih mudah menyatakan "bagaimana bapa begitu anaknya" iaitu kepindahan idea dari kata Inggeris: *like father like son*; atau menyatakan "membunuh dua ekor burung dengan sebiji batu" iaitu kepindahan idea dari kata Inggeris: *kill two birds with one stone*. Padahal, dalam pemikiran Melayu idea pertama itu sudah dilahirkan dalam peribahasa "bapanya borek anaknya rintik" dan idea kedua dalam "sekali mengorak pura, dua tiga hutang langsai" atau "sambil menyelam sambil minum air".

2.5 masalah-masalah linguistik: Ada tiga golongan linguistik iaitu linguistik sains, linguistik artistik dan linguistik praktikal. Linguistik sains ialah kajian analatikal terhadap pelbagai aspek linguistik yang melibatkan sarjana, ahli-ahli bahasa dan linguis. Linguistik artistik ialah kajian mengenai nilai-nilai estetika bahasa yang melibatkan para sastrawan. Dan, linguistik praktikal ialah kajian dan bincangan terhadap penggunaan dan pengajaran bahasa yang secara langsung melibatkan guru-guru bahasa.

Oleh kerana kelainan sistem linguistik bahasa ibunda pelajar-pelajar itu dengan sistem linguistik bahasa Melayu, maka tentulah banyak masalah-masalah linguistik itu telah menimbulkan kecacauan-kecacauan bahasa dalam pengajaran bahasa kedua (Melayu) ini. Hal-hal demikian, walau betapa kecil sekali pun, haruslah diperhatikan dengan teliti dan diselesaikan dengan jalan linguistik pula.

Guru-guru, umumnya, mengajarkan bahasa kedua ini adalah untuk mencapai 4 kemahiran/kecekapan bahasa yang tertentu, iaitu kecekapan mendengar, memahami, membaca dan menulis (mengarang). Mungkin, oleh sebab terlalu tertumpu kepada pencapaian matlamat itu, kadang-kadang di luar kesedarannya, guru-guru kurang memerhatikan aspek-aspek linguistik seperti fonologi (kajibunyi); morfologi (kajibentuk); semantik (kajimakna) dan struktur bahasa, umpamanya.

2.5.1 tentang fonologi Guru-guru, nampaknya, tidak keberatan menerima sama seseorang pelajarnya menyebut "sa+ye" atau "sa+ya" untuk kata yang sama maknanya dengan "aku"; menyebut "ba+pe" atau "ba+pa" untuk kata yang sama maknanya dengan "ayah"; atau sebagainya.

Penerimaan secara kurang teliti atau di luar kesedaran guru itu telah menyebabkan kita mendengar beberapa orang calon peperiksaan oral menyebut "ru+meh" untuk "rumah"; menyebut "su+deh" untuk "sudah"; menyebut "da+re" untuk "darah" dan sebagainya.

Penerimaan sebutan sewenang-wenang begitu, boleh menimbulkan anggapan orang yang tidak tau bahwa tidak ada bunyibahasa yang standard bagi bahasa Melayu; padahal bahasa Melayu adalah seperti lain-lain bahasa juga, punya hukum bunyibahasanya yang standard (baca *The Malay Sound System* — Yunos Maris M A).

Sebutan-sebutan janggal oleh pelajar-pelajar bukan Melayu itu adalah disebabkan oleh jumlah dan sifat fonim serta sistem fonologi bahasa ibundanya tidak serbasama dengan fonologi Melayu. Keadaan itu bukanlah sesuatu yang bukan

temui seseorang dan berkata kepadanya, “bolehkah saya *bertanya* kepada awak?” Orang itu akan menyambut kita dengan penuh hormat dan tampak kesediaannya hendak menjawab. Cuba kita tukarkan kata “tanya” itu dengan kata “soal” – “bolehkah saya *soal* awak?” mungkin reaksi orang itu adalah kebalikan dari yang mula-mula tadi.

Mengapakah reaksi itu bertentangan, padahal kata “tanya” dan “soal” itu seerti? Sekurangnya nilai rasa, katagori bahasa, keperihaln keadaan dan lain-lain aspek semantik telah bertindak untuk menampakkan bahwa “tanya” dan “soal” itu hanya sama pada *contentnya* tetapi tak sama pada *expressionnya*.

Lardo menerangkan bahwa pertalian antara *content* dan *expression* amat erat; apabila tidak demikian menyimpanglah makna perkataan itu; dan penyimpangan itu tersebut oleh kebudayaan. Jadi, kebudayaanlah: dengan menggunakan rumus-rumus aspek-aspek semantik tadi, telah menjadikan bahawa “tanya” dan “soal” itu adalah perkataan seiras; bukan seerti.

Tanya ialah pencongkelan maklumat untuk mendapat tau sesuatu yang belum diketahui; tetapi *soal* ialah pencongkelan maklumat untuk mengetahui samada yang disoal itu tau atau tidak terhadap maklumat yang telah diketahui oleh penyoal.

Demikian pulalah halnya kalau kita hendak menentukan yang mana “jatuh”, yang mana pula “tumbang”; seterusnya yang mana-mana pula: *gugur, runtuh, roboh, rebah* dan yang sebagainya; atau kalau kita hendak menentukan makna: *angkat, angkut, angkut, jinjing, bimbit, bimbing* dan seterusnya.

Tentang perkataan-perkataan yang bertentangan makna, atau *perkataan berlawan* itu, nampaknya, ramai guru-guru yang menggunakan konsep Inggeris; atau lebih mudah mereka memelayakan kata-kata Inggeris itu, misalnya:

tinggi lawannya *rendah*(*)
cantik lawannya *hodoh*(*)
emak lawannya *bapa*(+)
putih lawannya *hitam*(+)
menangis lawannya *ketawa*(#), dan sebagainya.

Contoh-contoh itu ialah yang paling lumrah digunakan untuk pelajaran tersebut. Kalau kita pakaikan nilai semantik di atas tadi maka kita akan dapati: pasangan-pasangan *tinggi-rendah* dan *cantik-hodoh* itu benar perkataan berlawan atau bertentang, kerana masing-masing menegatifkan lawannya dalam bentuk positif.

Tetapi kalau kita perhatikan pasangan kata *emak-bapa*, apakah sama kedudukannya dengan pasangan *tinggi-rendah* itu, misalnya? Apakah kalau bukan “emak” dia pasti “bapa”? Apalagi kalau diukur dengan nilai rasa dan keadaan sosial: apabila “emak” lawan “bapa” entahlah! Pun demikian dengan pasangan “*hitam-putih*”. Kalau dikatakan, “Baju itu *tidak hitam*”, mungkinkah baju itu putih? Tak mungkinkah ia merah, atau hijau?

Kalau orang berkata, “Kerana lelucon itu tidak menarik hatinya, orang itu *tidak ketawa*”. Dapatkah kita anggap orang itu menangis?

Akhirnya, tentang penggunaan kata-kata yang berbilang makna. Perhatikan makna kata “tawar” dalam 4 ayat di bawah ini:—

- (a) Air sungai itu masin di kualanya tetapi *tawar* di hulunya.
- (b) Harga kasut itu tetap, tak boleh *ditawar* lagi.
- (c) Perempuan dianggap sebagai racun, tetapi dialah juga *penawar*.
- (d) Mamat telah *ditawarkan* suatu jawatan tinggi di Brunei.

Betapa pun, masalah-masalah semantik ini, seperti juga masalah-masalah morfologi tadi, adalah masalah *content* yang tidak sukar diatasi.

2.5.4 tentang sintaksis/struktur bahasa
 Struktur bahasa Melayu yang paling basik ialah mendulukan yang *diterangkan* dan mengemudiankan yang *menerangkan*, misalnya:

baju merah (bukan: merah baju; atau merah punya baju)
 anak saya (bukan: saya anak; atau saya punya anak)
 ini buku saya (bukan: ini saya buku; atau buku saya ini)

atau sebagainya.

Tetapi, oleh kerana pengaruh bahasa lisan (dalam bahasa Melayu terlalu banyak jenis bahasa lisannya seperti dialek daerah; bahasa pasar; bahasa dagang dan sebagainya) yang tidak standard, maka kedapatanlah struktur-struktur yang dagang dalam bahasa Melayu. Tetapi kerana kerapnya digunakan dalam pertuturan sehari-hari, maka struktur-struktur dagang itu pun lekat pada bahasa: seolah-olah ia telah diterima umum.

Perhatikan frasa “*goreng pisang*”. Frasa ini bertentangan dengan struktur yang diterangkan dalam para 1 uraian 2.5.4 ini. Sepatutnya ia disebut *pisang goreng*, kerana ia sebetuk dengan frasa-frasa: ikan goreng; ubi goreng; mi goreng; nasi goreng; tahu goreng, atau dalam bentuk lain-

nya: pisang rebus; pisang salai; pisang bakar atau yang sebagainya.

Oleh kerana bentuk struktur "*goreng pisang*" itu tak dapat juga dikategorikan ke dalam kumpulan: pengat pisang; keripik pisang; belebat pisang; jempit-jempit pisang; kek pisang; aiskrim pisang atau sebagainya, maka nyatalah frasa "*goreng pisang*" itu tidak berbentuk struktur Melayu.

2.6 masalah sukatan pelajaran: Sebenarnya sukatan pelajaran bukanlah satu masalah, kerana ia memang berguna. Sekurang-kurangnya dia dapat memberi panduan kepada guru-guru supaya pengajarannya tidak menyeleweng. Tetapi, mungkin ada setengah-setengah guru yang menganggap sukatan pelajaran itu sebagai suatu pegangan yang tak boleh tidak; mesti diikuti satu persatu dengan tertib.

Kalau sukatan pelajaran itu dianggap sebagai satu arahan tunggal untuk menentukan "mesti buat begini dan jangan buat begitu" nescaya ia akan mengekang kemajuan pengajaran guru-guru. Guru-guru lebih tahu tentang situasi pelajar-pelajarnya; guru-guru lebih tahu apa yang harus diajarkan, kalau dibandingkan dengan sukatan pelajaran itu. Jadi, peranan sukatan pelajaran itu ialah sebagai *co-pilot*; sebagai teman berunding ketika guru-guru itu menemui masalah-masalah tertentu yang minta diselesaikan. Jangan tepuk dada tanya selera; atau mengambil keputusan yang beraja di mata bersultan di hati saja.

Sebab itu, guru-guru haruslah mempunyai pandangan yang liberal terhadap sukatan pelajaran itu. Penyesuaian antara kehendak-kehendak sukatan pelajaran itu dengan keadaan sekitar dan latar-belakang pelajar-pelajar haruslah dilakukan oleh guru-guru sebijak mungkin. *Adjustment* pada tentang-tentang yang harus patutlah dibuat supaya pengajaran guru-guru mencapai matlamat yang paling hampir kepada tepat.

3. cara-cara mengatasi masalah

Walaupun masalah-masalah yang dikemukakan tadi tampak berfasal-fasal, tetapi antara suatu hal dengan yang lain adalah berkait-kait. Sebab itu cara mengatasi masalah-masalah itu pun tidaklah mesti dilakukan bersendiri-sendiri. Barangkali dapat saya kemukakan beberapa saranan untuk mengatasi masalah-masalah itu secara menyeluruh.

3.1 Memahami keadaan pelajar-pelajar sebelum memulakan pengajaran haruslah dibuat. Sekurang-kurangnya guru harus memahami latar-

belakang bahasa ibunda dan latar belakang *socio-culture* pelajar-pelajarnya. Pengetahuan itu penting untuk menolong guru membuat perhatian khas terhadap individu atau golongan pelajar-pelajarnya.

3.2 LARDO mencadangkan supaya guru-guru bergaul dalam masyarakat pelajar-pelajarnya supaya dapat menggunakan sifat-sifat kebudayaan masyarakat pelajarnya itu untuk kelancaran pengajaran bahasa matlamatnya. (taktik: kayulah yang memecahkan kayu)

Keadaan guru-guru kita memang sudah tergaug dengan masyarakat pelajar, kalau kebetulan pelajar-pelajar kita terdiri dari kumpulan satu. Tetapi, untuk pelajar-pelajar dari kumpulan dua, tiga dan empat; saranan Lardo itu boleh menyelesaikan masalah pengaruh bahasa ibunda dan pengaruh *socio-culture*.

Mungkin 3 atau 4 hari pada tiap kali cuti penggal persekolahan guru-guru boleh mengadakan perkampungan dengan pelajar-pelajarnya untuk mempelajari keadaan *socio-culture* timbal-balik. Guru mempelajari *socio-culture* pelajar-pelajar dan sebaliknya. Dalam perkampungan itu biarlah guru-pelajar sama-sama masak, makan, bermain dalam bahasa matlamat.

3.3 APTITUDE bahasa para pelajar mungkin dapat diperbaiki dengan mengadakan lebih banyak kemudahan-kemudahan belajar cara formal atau tak formal, dan memberikan lebih banyak peluang pelajar-pelajar menggunakan bahasa keduanya itu.

Kutubkhanah khas mungkin menolong pelajar-pelajar mendapatkan banyak pengetahuan tentang *socio-culture* bahasa yang dipelajari; dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan bahasa seperti peraduan-peraduan mengarang; bercakapitah; bersyarah dan berbahas boleh mengayakan pengalaman mereka dalam bahasa keduanya.

3.4 MENERUSI pemesraan *socio-culture* bahasa yang dipelajari dan menerusi perbaikan *aptitude* bahasa itu, media pemikiran pelajar-pelajar akan lebih mirip kepada cara bahasa keduanya itu.

3.5 PENGALAMAN linguistik pelajar-pelajar dapat diperbaiki dengan memberikan pengalaman linguistik yang tepat kepada guru-gurunya. Dan, pengalaman itu boleh diperoleh menerusi kursus-kursus singkat; seminar-seminar tak formal; bengkel-bengkel berkala dan berbagai-bagai kegiatan lagi.

Jabatan Bahasa Kedua, Kesatuan Guru-guru

Melayu, dan Kementerian Pelajaran mungkin boleh sama-sama menganjurkan kegiatan-kegiatan itu, untuk kepentingan-kepentingan karyawan kita.

4. penutup

Oleh kerana pengalaman saya mengajarkan bahasa kedua Melayu (ML2) ini agak berbeza sedikit daripada guru-guru lainnya, iaitu saya mengajarkan ML2 kepada orang-orang dewasa bukan-Melayu yang telah lulus peperiksaan Menengah Empat

(Singapura) atau Tingkatan Lima (Malaysia) sedangkan guru-guru mengajarkan ML2 kepada pelbagai golongan yang saya nyatakan dalam paragraf 3 hingga 6 di uraian 1.2, di Menengah-menengah I hingga IV, maka masalah-masalah *socio-culture* yang kita temui pada pelajar-pelajar kita adalah berbeza juga.

Saya percaya masalah-masalah ini dapat dibincangkan menerusi bengkel-bengkel seminar kalau kita ada minat hendak mengatasi masalah-masalah itu untuk kebaikan pengajaran kita. ☺